

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	11 / 8 / 2017

Semua atlet diminta berjuang habis-habisan bagi pastikan Malaysia jadi juara

Lakukan yang terbaik - PM

Um-11/8/2017 pg. 3

Oleh **SOFIAN BAHAROM**
sofian.baharom@utusan.com.my

■ **PUTRAJAYA 10 OGOS**

MEWAKILI lebih 30 juta rakyat Malaysia, Datuk Seri Najib Tun Razak mahu kesemua atlet negara berjuang bersungguh-sungguh dan melakukan yang terbaik bagi memastikan Malaysia menjadi juara keseluruhan Sukan SEA 2017 (KL 2017) dan Sukan Para ASEAN Kuala Lumpur 2017.

Perdana Menteri berkata, kesemua atlet tersebut kini telah sampai kepada detik yang mana mereka perlu menterjemahkan segala pengorbanan serta penat lelah selama ini demi persembahan yang terbaik.

Beliau berkata, rakyat Malaysia hanya mampu berdoa dan memberi sokongan dengan bertepuk sekuat mungkin 'sehingga lebam tangan' tetapi akhirnya yang menentukan kejayaan memperoleh kilauan pingat emas ialah atlet-atlet itu sendiri.

"Ingatlah anda akan bersaing di bumi sendiri. Jadi, mari berhempas pulas bersama-sama rakyat Malaysia yang pasti akan memberi sokongan dengan penuh semangat diiringi doa dan restu semua tidak kira keturunan, bangsa, agama dan budaya.

"Setiap daripada mereka ingin melihat kejayaan setiap atlet. Kejayaan Malaysia sebagai tuan rumah terbaik dan lebih daripada itu muncul sebagai juara KL 2017," katanya ketika berucap dalam majlis Penyerahan Jalur Gemilang Kepada Kontinjen Malaysia Ke Sukan SEA Ke-29 dan Sukan Para ASEAN Ke-9 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini, sambil disambut gema



NAJIB TUN RAZAK menyerahkan Jalur Gemilang kepada Marina Chin pada majlis Penyerahan Jalur Gemilang kepada Kontinjen Malaysia Ke Sukan SEA Ke-29 dan Sukan Para ASEAN Ke-9 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, semalam. Turut hadir Khairy Jamaluddin. - UTUSAN/FAUZI BAHARUDIN

sorakan daripada atlet-atlet yang hadir.

Yang turut hadir, Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin dan bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi.

Pada majlis tersebut, kontinjen negara telah menerima Jalur Gemilang daripada Najib sebagai simbolik kesediaan merangkul kejuaraan keseluruhan pada KL 2017 bermula 19 Ogos depan.

Majlis itu turut menyaksikan hampir 700 atlet yang diketuai Datuk Marina Chin berikrar bagi mencatat pungutan pingat emas

tertinggi sebagai hadiah terbaik meraikan ulang tahun kemerdekaan tanah air ke-60.

Sementara itu, Najib berkata, sejak kebelakangan ini, negara telah memperlihatkan kejayaan dalam dimensi baharu termasuk pelancaran kemudahan bertaraf dunia seperti Transit Aliran Massa (MRT), Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC) dan Laluan Rel Pantai Timur (ECRL).

Beliau sendiri katanya, telah melakukan lawatan terhadap Kompleks Sukan Negara di Bukit

Jalil, Kuala Lumpur sebanyak dua kali dan mengakui kemudahan di kompleks itu dan lokasi lain boleh diiktiraf bertaraf dunia.

"Oleh itu, sekarang sudah sampai masa dan ketikanya semua atlet negara memperlihatkan persembahan bertaraf dunia, kalau tidak pun menjadi yang terbaik di peringkat ASEAN," katanya.

Jelas Perdana Menteri, tiada perasaan yang lebih manis yang boleh pudar daripada ingatan bagi atlet terlibat selain memenangi tempat pertama dan dikalungkan pingat emas serta pada

masa sama lagu Negaraku berkumandang tanda menjuarai acara disertai.

"Sampai hembuskan nafas terakhir, kemenangan itu tidak akan luput daripada ingatan. Jadi, lakukan yang terbaik untuk diri sendiri dan juga negara," katanya.

Sebanyak 873 atlet dan 392 pegawai akan mewakili Malaysia dalam 38 jenis sukan pada KL 2017 manakala sebanyak 336 atlet lelaki serta 82 wanita akan mewakili negara dalam 16 jenis sukan pada Sukan Para ASEAN Kuala Lumpur 2017.